Saya.....nombor K.P.....yang mewakilinombor Pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) *..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain dalam **Universiti Teknologi Malaysia** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan sebutharga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Universiti Teknologi Malaysia** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Cop Syarikat :

JABATAN KESELAMATAN, UTM, JOHOR BAHRU, JOHOR

Panduan Kontraktor

1. Kontraktor/Pekerja dikehendaki mengambil Pas Harian di Kaunter Kawalan Pintu Utama setiap hari ketika masuk ke dalam kampus UTM.
2. Pekerja yang diambil bekerja dengan Syarikat, Kontraktor hendaklah menentukan pekerja-pekerja terbabit MEMILIKI DOKUMEN/PERMIT KERJA/VISA YANG SAH (TIDAK TAMAT TEMPOH)
3. Pemakaian Pas Keselamatan oleh Kontrak/Pekerja di MESTIKAN sepanjang masa berada di dalam kawasan kampus. Kegagalan Kontraktor/Pekerja mematuhi Peraturan Keselamatan membolehkan kerja-kerja yang akan dijalankan terganggu ketika pemeriksaan diadakan oleh pihak Keselamatan dari semasa ke semasa.
4. Pas Keselamatan

Senarai nama-nama pekerja beserta gambar terkini dan nombor pendaftaran kenderaan tersebut hendaklah dikemukakan dalam tempoh dua minggu sebelum kerja-kerja di dalam kampus dimulakan.

- i) Pemohon dikehendaki mengemukakan salinan surat tawaran kerja/kontrak/permit kerja /dokumen-dokumen lain yang bersangkutan.
- ii) Pemohon dikehendaki mengepulkan dua keeping gambar berukuran passport bersama boring yang telah lengkap ke Pejabat Keselamatan.
- iii) Pemohon dikehendaki mendapatkan tandatangan dan cop pengesahan dari Ketua Bahagian/Pihak yang berkenaan yang bertanggungjawab.
- iv) Borang Permohonan Pas diisi dalam satu salinan sahaja dan boleh didapati di Pejabat Bahagian Keselamatan.
- v) Untuk memperbaharui pas, pemohon dikehendaki mengikut para (i), (ii) dan (iii). Permohonan mestilah dibuat sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tamat tempoh pas berkenaan dan dikepulkan bersama permohonan baru.

Tempoh 1 hingga 6 bulan	Tempoh 3 hingga 12 bulan
RM 5.00	RM 10.00

5. Mengisytiharkan peralatan/barang yang dibawa masuk di dalam Kampus dengan mengemukakan salinan nama barang-barang yang dibawa masuk dikeluarkan oleh Kontraktor dan disahkan oleh pihak yang berkenaan yang mengawal selia projek yang dijalankan.
6. Sentiasa memberikan kerjasama kepada pihak Keselamatan Universiti di dalam menjalankan tugasnya.
7. Mematuhi peraturan lalulintas di dalam kampus dan jika berlaku apa kejadian seperti kemalangan atau lain-lain yang memerlukan bantuan Keselamatan hendaklah segera menghubungi KETUA PENGAWAL KESELAMATAN BERTUGAS BALAI KESELAMATAN UTM di talian 07-5530014.
8. Kerja-kerja yang dijalankan melebihi waktu pejabat, hendaklah mendapat kebenaran bersurat daripada pihak berkenaan (Penyelaras Projek Pejabat Harta Bina UTM) perlu diserahkan kepada Bahagian Keselamatan UTM sebelum kerja dilaksanakan.
9. Mematuhi peraturan dan melaksanakan Langkah-Langkah Keselamatan di tapak bina / kerja.
10. Menyerahkan salinan nama / Carta Organisasi yang lengkap dan mempunyai no.telefon kepada pihak Keselamatan untuk rujukan.
11. Menjaga Etika kesopanan dan cara berpakaian di dalam kampus.
12. Tidak menggunakan bilik air wanita / Siswi (Jika Pekerja Lelaki).
13. Tidak merokok di kawasan kampus.
14. Tidak menyalahguna dadah atau meminum minuman keras.

SENARAI PERUNDANGAN & PERATURAN KEPERLUAN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN DI TAPAK BINA

Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) & Akta Kilang & Jentera 1967 (Akta 139)

1. Pegawai Keselamatan & Kesihatan (SHO) & Safety Site Supervisor
Keperluan
 1. Pematuhan Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) Perintah Pegawai Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
 - Melantik Pegawai Keselamatan & Kesihatan bagi kerja-kerja pengendalian bangunan dan binaan kejuruteraan yang melebihi RM20 juta.
 2. Pematuhan Akta Kilang & Jentera 1967 (Akta 139), Building Operations and Works of Engineering Construction Safety – (BOWEC) Peraturan 25
 - Keperluan kontraktor utama melantik penyelia keselamatan di tapak bina.

2. Peralatan & Mesin Yang Memerlukan Perakuan Kelayakan
Keperluan
 1. Pematuhan Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514)
 2. Pematuhan Akta Kilang & Jentera 1967, Seksyen 19, Perakuan Kelayakan
 - Kren (PMA)
 - Skylift (PMA)
 - Piling Machine (PMA)
 - Gondola (PMA)
 - Passenger hoist, skip hoist, material hoist (PMA)
 - Air compressor (PMT)
 3. Pematuhan Akta Kilang & Jentera 1967, Peraturan-Peraturan (Pemberitahuan, Perakuan Kelayakan & Pemeriksaan)

3. Latihan & Kompetensi Pengendali Jentera
Keperluan
 1. Pematuhan Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) Seksyen 15 (c) – Kewajipan Am Majikan & Orang Yang Bekerja Sendiri
 2. Pematuhan Akta Kilang & Jentera 1967, Peraturan-Peraturan (Orang Yang Menjaga) Kilang & Jentera 1970

4. Peralatan Perlindungan Diri (PPE)
Keperluan
 1. Pematuhan Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) Seksyen 24 (1) (c) – pekerja perlu memakai peralatan perlindungan diri (PPE) sepanjang masa untuk mencegah sebarang risiko kepada keselamatan & kesihatan

5. Pemberitahuan Berkenaan Pembinaan Bangunan & Kerja Binaan Kejuruteraan (Borang JKJ 103)
Keperluan
 1. Pematuhan Akta Kilang & Jentera 1967 (Akta 139) Seksyen 35 (1) dan Peraturan-Peraturan (Pemberitahuan, Perakuan Kelayakan & Pemeriksaan)
 - Kerja-kerja berkenaan pembinaan bangunan & kerja binaan kejuruteraan yang tempohnya melebihi 6 minggu

6. Keselamatan Perancah

Keperluan

1. Pematuhan Akta Kilang & Jentera 1967 (Akta 139), Building Operations and Works of Engineering Construction Safety – (BOWEC) Peraturan 72 - 98 – Perancah perlu dibina dan dirombak oleh orang yang kompeten. Perlu diperiksa 7 hari sekali oleh orang yang kompeten. Perancah jenis tiub perlu mengikut spesifikasi BS1139

7. Keperluan Latihan CIDB/NIOSH Green Card Kepada Semua Pekerja Di Tapak Bina

Keperluan

1. Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) (Seksyen 15 (2) (c) Kewajipan Am Majikan & Orang Yang Bekerja Sendiri – Memberi maklumat, arahan & latihan kepada pekerja yang sedang bekerja)
2. Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Pekeliling Program Kad Hijau CIDB Bil. 1/2000 dan Bil. 1/2001 – Keperluan induksi keselamatan kepada pekerja yang bekerja di tapak bina, sekiranya pihak kontraktor gagal melaksanakan sistem CIDB green card, pihak kontraktor boleh dikenakan tindakan tatatertib diambil dibawah peraturan-peraturan pendaftaran kontraktor (1995) – Peraturan 15 (1), Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, yang mana boleh mengakibatkan pendaftaran kontraktor dibatalkan, digantung atau ditarik balik.

8. Penyediaan Prosedur Kerja Selamat (SOP) Oleh Pihak Kontraktor Terutama Bagi Kerja Berhazard Tinggi (Kerja Panas, Pengorekan, Bekerja Di Tempat Tinggi, Ruang Terkurung)

Keperluan

1. Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) (Seksyen 15 (2) (b) Kewajipan Am Majikan & Orang Yang Bekerja Sendiri – Membuat perkiraan bagi menjamin, setakat yang praktik keselamatan dan ketiadaan risiko kepada kesihatan berkaitan dengan penggunaan atau pengendalian, penanganan, penyimpanan dan pengangkutan loji dan bahan.

Akta-Akta Lain Yang Berkaitan

1. Pengurusan Buangan Air Sisa Limbah Terus Ke Sistem Pembentungan (Sewer System)

Keperluan

1. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)
2. Akta Jalan, Saliran Dan Bangunan 1974 (Akta 133)

2. Pengurusan Sisa Terjadual

Keperluan

1. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127), Peraturan Sisa Terjadual 2005 – Sisa-sisa yang tersenarai dalam peraturan ini perlu dilupuskan mengikut peraturan yang ditetapkan di premis yang telah diberi lesen untuk melupuskan sisa terjadual.

KERJA-KERJA PEMBINAAN TANDAS BARU DI KOLEJ 9, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU, JOHOR.

1.0 MAKLUMAT AM

1.1 Tapak Bina

- 1.1.1 Skop kerja ini meliputi kerja mengubahsuai bilik pelajar sediada (sebanyak 16 bilik dari aras bawah, 1, 2 dan aras 3) kepada tandas di Kolej 9, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor.

1.2 Keperluan Am

Skop kerja yang termasuk di dalam sebutharga ini adalah seperti berikut:-

- 1.2.1 Menyediakan keperluan proses awalan termasuk polisi insuran, papan tanda projek, papan tanda amaran dan keselamatan, dinding sekatan / penghadang (*hoarding*), bekalan air dan elektrik sementara, kabin dan stor simpanan, peralatan perlindungan keselamatan dan lain-lain komponen kerja yang perlu bagi menyediakan keperluan awalan projek.
- 1.2.2 Kerja-kerja mengorek dan menimbus semula tanah, termasuk membawa keluar lebih tanah dari tapak bina ke lokasi lain di dalam kampus UTM (jika berkaitan) atau membawa keluar dari kawasan kampus UTM.
- 1.2.3 Kontraktor bertanggungjawab untuk membaikpulih dan menggantikan sebarang kerosakan yang terjadi kepada harta universiti dan orang awam termasuk permukaan jalan dan perabot jalan, komponen dan kemasan bangunan, kelengkapan perpaipan, pemasangan elektrik, rumput, pokok dan semua saluran servis di atas atau di bawah tanah kawasan kerja dan persekitarannya.
- 1.2.4 Pematuhan kepada keperluan dan peraturan keselamatan (OSH) adalah mandatori. Kontraktor adalah bertanggungjawab memastikan semua aspek keselamatan pekerja dan orang ramai diambil kira semasa menjalankan kerja di tapak. Kontraktor juga tertakluk kepada peraturan dan tindakan susulan atau denda dari pihak berkuasa OSH UTM sekiranya gagal mematuhi peraturan keselamatan sebagaimana dinyatakan di dalam dokumen kontrak dan arahan Pegawai Inden.

- 1.2.5 Kontraktor dikehendaki menyediakan tenaga pekerja, bahan-bahan binaan, loji-loji, peralatan-peralatan serta kelengkapan-kelengkapan lainnya yang sesuai dan diperlukan bagi tujuan perlaksanaan dan penyiapan kerja-kerja berkenaan dengan sempurna menurut peruntukan spesifikasi, lukisan-lukisan, Syarat-syarat Kontrak dan kehendak Dokumen Kontrak secara menyeluruh.
- 1.2.6 Mana-mana bahagian yang perlu disediakan untuk menerima sebarang bentuk binaan berikutnya dan/atau perlu dibaiki supaya sesuai dengan keadaan sekitar yang ada dan/atau sesuai seperti keadaan sediaakala hendaklah dilaksanakan dan disiapkan dengan sepenuhnya menurut peruntukan-peruntukan kontrak dengan menggunakan bahan-bahan baru yang dalam keadaan baik, tinggi mutunya serta setanding dengan bahan-bahan di sekitarnya dan/atau bahan-bahan sedia ada sebagaimana dinyatakan.
- 1.2.7 Kerja perobohan, menanggal dan membuka yang melibatkan penggunaan semula bahan binaan terpakai bagi projek ini hendaklah dilakukan dengan cermat supaya kecacatan yang berlaku adalah minima; tidak menyebabkan bahan binaan terpakai berkenaan tidak boleh digunakan semula. Mana-mana bahan yang dalam keadaan sediaada tidak memuaskan hendaklah diganti dengan bahan baru yang sama atau setanding dengannya menurut arahan Pegawai Inden.
- 1.2.8 Menyedia dan menyerahkan *as-built drawing* bagi kerja-kerja perpaipan dalam tiga (3) salinan *hard copy* dan satu (1) salinan *soft copy* dalam bentuk cakera *pen drive* 128GB kepada Pegawai Inden dalam tempoh tiga (3) minggu selepas tarikh Sijil Siap Kerja.

1.3 Kebersihan Tapak Bina

- 1.3.1 Bahan-bahan terpakai, bahan-bahan yang tidak diperlukan lagi oleh UTM serta bahan-bahan buangan lainnya yang terhasil akibat dari kerja-kerja perobohan, membuka dan menanggal hendaklah dibuang keluar dari kawasan Kampus UTM ke satu kawasan yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan. Bahan-bahan tersebut hendaklah dibuang di tempat berkenaan menurut peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan berkaitan.
- 1.3.2 Kontraktor hendaklah memastikan tapak binaan sentiasa bersih dan sisa binaan sentiasa disisih ke dalam roro tank. Pihak kontraktor bertanggungjawab menyediakan roro tank di tapak sepanjang tempoh kerja dan roro tank tidak dibenarkan terisi penuh melebihi tempoh 2 hari. Sisa binaan dan sampah perlu dibawa keluar dari kawasan kampus UTM.

- 1.3.3 Kontraktor adalah bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan persekitaran laluan masuk jentera dan kenderaan bekalan bahan binaan ke tapak dari sebarang kotoran dari tapak bina. Sebarang kotoran dan sisa binaan yang tertinggal di sepanjang laluan jentera sehingga ke luar kampus hendaklah dibersihkan setiap hari.
- 1.3.4 Kontraktor adalah bertanggungjawab memastikan tapak bina berada dalam keadaan bersih, kemas dan tersusun yang munasabah atau sebagaimana arahan Pegawai Inden.

1.4 Melantik Sub-kontraktor Elektrikal

- 1.4.1 Kontraktor hendaklah melantik kontraktor kecil (sub-kontraktor) bagi kerja elektrikal yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor CIDB/LPIPIM atau Kementerian Kewangan (bagi yang berkenaan) di dalam bidang yang berkaitan. Kontraktor-kontraktor kecil ini menjadi sebahagian dari organisasi kontraktor di dalam kontrak kerja ini dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas prestasi mereka.
- 1.4.2 Semua kerja hendaklah dijalankan secara serentak di mana yang munasabah dan semua kerja hendaklah siap sebelum atau pada tarikh siap yang telah ditentukan.
- 1.4.3 Pemilihan dan perlantikan kontraktor kecil bagi kerja elektrikal hendaklah mendapat kelulusan daripada Pegawai Inden. Kontraktor hendaklah mengemukakan nama-nama kontraktor kecil berkenaan semasa mengemukakan tawaran sebutharga.
- 1.4.4 Kontraktor adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas Kontraktor kecil elektrikal yang diluluskan oleh Pegawai Inden dalam semua aspek berkaitan kerja dan peruntukan kontrak ini.

1.5 Program Kerja

- 1.5.1 Kontraktor hendaklah mengemukakan/menyertakan Jadual Program Kerja dalam bentuk *Microsoft Project (CPM)* bagi tempoh kerja yang ditetapkan. Program kerja hendaklah dijadualkan dengan cara yang paling munasabah dan bertepatan dengan mengambilkira sepenuhnya skop dan lokasi kerja.
- 1.5.2 Kegagalan kontraktor mengemukakan/menyertakan program kerja ini boleh mengakibatkan tawaran sebutharga oleh kontraktor tersebut ditolak.

1.6 Ruang Simpanan Barang dan Bahan

- 1.6.1 Kontraktor adalah dibenarkan untuk menggunakan ruang tapak kerja atau membina stor kayu sementara di mana-mana lokasi di dalam tapak kerja yang dibenarkan oleh Pegawai Inden. Pembinaan dan lokasi stor tersebut adalah dengan kelulusan Pegawai Inden dan pihak kontraktor adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan bahan dan barang dalam semua aspek.
- 1.6.2 Stor simpanan barang dan bahan ini hendaklah dibina dengan sempurna supaya tidak mengganggu operasi persekitaran tapak kerja.
- 1.6.3 Tindakan melalui akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (OSH) boleh dikenakan kepada kontraktor yang gagal mematuhi keperluan kebersihan dan keselamatan persekitaran tapak kerja ini. Semua bahan dan barang hendaklah dikeluarkan dari ruang tapak bina dalam tempoh tiga (3) hari setelah siap kerja.

1.7 Keadaan Tapak Bina

- 1.7.1 Kontraktor adalah dianggap telah melawat ke tapak bina dan telah memahami keadaan tapak bina serta halangan-halangan yang ada dan juga dianggap telah mengambil kira segala aspek yang memberi kesan kepada kerja dan cara berkerja dan pergerakan di tapak bina di dalam harga sebutharga yang dikemukakan. Ini adalah termasuk juga laluan akses keluar masuk ke tapak bina di mana Kontraktor adalah dikehendaki menentukan kawasan yang sesuai dan berbincang serta mendapatkan pengesahan dari wakil Pegawai Inden untuk persetujuan cadangan laluan akses keluar masuk tersebut. Sebarang tuntutan disebabkan kegagalan Kontraktor berbuat demikian tidak akan dibenarkan dan Kontraktor hendaklah menanggung sendiri kos yang terlibat.
- 1.7.2 Kontraktor hendaklah membekal dan menyediakan pagar kawasan (*hoarding*) atau pita rintangan keselamatan di tapak bina. Ini adalah termasuk kawasan yang terdedah pada risiko kerosakan. Kontraktor dikehendaki menentukan kawasan yang sesuai dan berbincang serta mendapatkan pengesahan dari wakil Pegawai Inden untuk persetujuan cadangan pagar kawasan tersebut. Sebarang tuntutan disebabkan kegagalan Kontraktor berbuat demikian tidak akan dibenarkan dan Kontraktor hendaklah menanggung sendiri kos yang terlibat.

- 1.7.3 Kontraktor tidak dibenarkan menggunakan sama sekali laluan hadapan foyer. Semua urusan pengangkutan dan pergerakan pekerja hendaklah dilakukan melalui laluan belakang bangunan atau laluan lain yang dibenarkan oleh Pegawai Inden. Kontraktor hendaklah memastikan semua pekerja dihadkan dikawasan kerja sahaja dan tidak dibenarkan ke kawasan persekitaran dan pejabat-pejabat.
- 1.7.4 Kontraktor hendaklah mematuhi semua undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak UTM yang berkaitan dan UTM tidak akan bertanggungjawab di atas ketidakpatuhan oleh Kontraktor.

1.8 Waktu Bekerja

- 1.8.1 Kontraktor hendaklah mematuhi waktu rasmi bekerja UTM Johor Bahru seperti berikut :
- Ahad hingga Rabu : **8.00 pagi sehingga 5.00 petang**
 - Khamis : **8.00 pagi sehingga 3.30 petang**
 - Jumaat, Sabtu : Cuti
dan Cuti Umum
- 1.8.2 Kontraktor tidak dibenarkan memasuki kawasan kampus UTM Johor Bahru di luar waktu bekerja rasmi dan perlu mendapat kebenaran bertulis dari Pegawai Inden untuk berbuat demikian.
- 1.8.3 Sekiranya kontraktor perlu melaksanakan kerja di luar waktu pejabat, permohonan rasmi perlu dikemukakan kepada Pegawai Inden dan segala kos kerja lebih masa bagi wakil JHB UTM yang layak untuk memantau kerja di tapak akan ditanggung oleh pihak kontraktor mengikut kadar gaji staf JHB UTM terlibat.

1.9 Laporan Bergambar

- 1.9.1 Kontraktor hendaklah sentiasa merekod kemajuan kerja melalui gambar sebelum, semasa dan selepas setiap proses kerja dilaksanakan.
- 1.9.2 Semua gambar rekod proses kerja ini hendaklah dikemaskini dan dimajukan pada setiap mesyuarat tapak atau apabila diarahkan oleh Pegawai Inden.
- 1.9.3 Rekod harian kerja kontraktor melalui 'Site Diary' hendaklah diserahkan kepada Pengurus Projek pada setiap minggu untuk semakan dan pengesahan.

1.10 Wakil Kontraktor di Tapak

1.10.1 Kontraktor hendaklah mengadakan dan memastikan kehadiran seorang wakil kontraktor di tapak pada setiap masa. Wakil kontraktor hendaklah dapat dihubungi setiap masa dan mampu membuat keputusan bagi pihak kontraktor dengan serta merta sekiranya diperlukan di tapak.

1.11 Mock-up

1.11.1 Kontraktor adalah bertanggungjawab menyediakan *mock-up* kepada bahan dan binaan yang berkaitan untuk diluluskan oleh Pegawai Penguasa. Senarai *mock-up* yang perlu disediakan oleh kontraktor adalah seperti berikut:-

- i. 12mm thk. *Phenolic Board*
- ii. Lapisan Kalis Air
- iii. Pemasangan Jubin Lantai & Dinding
- iv. Perpaipan Bekalan Air & Sanitari

1.12 Kelulusan Bahan

1.12.1 Kontraktor adalah bertanggungjawab menyediakan katalog dan *sample board* untuk bahan-bahan binaan berikut untuk pemilihan dan kelulusan Pegawai Penguasa:-

- i. Semua jenis cat
- ii. Semua jenis jubin
- iii. Panel *phenolic board*
- iv. Semua aksesori danengkapan perpaipan dan tandas
- v. Semua aksesori danengkapan elektrik

1.13 Pematuhan aspek Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Permit Kerja

1.13.1 Kontraktor adalah tertakluk kepada pematuhan peraturan dan undang-undang di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan 1994 sepanjang melaksanakan kerja. Pematuhan kepada akta ini adalah mandatori.

1.13.2 Antara peraturan yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

1.13.2.1 Pendaftaran Permit Kerja (Peringkat Awalan Projek). Pendaftaran ini adalah diwajibkan. Penguatkuasa OSHE UTM berhak mengarahkan pekerja dan kontraktor keluar dari tapak sekiranya pendaftaran tidak dibuat. Bayaran interim kepada kontraktor juga tidak akan diproses sekiranya gagal membuat pendaftaran.

1.13.2.2 Pendaftaran Permit Kerja Tempat Tinggi & Kerja Panas.

Pendaftaran ini adalah diwajibkan sekiranya terdapat proses kerja melibatkan tempat tinggi dan kerja pateri (*welding*). Penguatkuasa OSHE UTM berhak mengarahkan pekerja dan kontraktor berhenti dari menjalankan kerja, dan mengarahkan keluar dari tapak sekiranya pendaftaran tidak dibuat.

1.13.2.3 Pematuhan kepada Pemakaian Peralatan Pelindung Diri (*Personal Protective Equipment*).

Kontraktor adalah bertanggungjawab untuk membekalkan peralatan pelindung keselamatan diri (PPE) bagi memastikan pekerja dan kerja yang dilakukan berada dalam situasi selamat. Peralatan asas seperti topi keselamatan, sarung tangan, kasut keselamatan, jaket keselamatan, cermin mata keselamatan dan penutup telinga perlu disediakan mengikut proses kerja berkaitan. Peralatan yang dibekalkan hendaklah telah diluluskan dan diperakui kualiti oleh SIRIM.

1.13.2.4 Disiplin di Tempat Kerja

Pekerja kontraktor juga hendaklah berdisiplin dan sentiasa menjaga tingkah laku sepanjang tempoh menjalankan kerja.

1.13.2.5 Ketidakpatuhan

Penguatkuasa OSHE UTM atau Pegawai Inden berhak mengenakan denda kepada sebarang ketidakpatuhan atau pelanggaran akta yang sah disabitkan kepada kontraktor. Semua denda yang disahkan akan dibuat melalui pemotongan bayaran interim, mengikut piawaian kadar denda yang diluluskan oleh penguatkuasa OSHE UTM atau Pegawai Inden.

1.14 Jaminan Bahan

1.14.1 Pihak kontraktor adalah bertanggungjawab mengemukakan jaminan bahan bagi kerja berikut :-

- i. Panel *Phenolic Board*
 - Jaminan 5 tahun untuk *cubicle* & 2 tahun untuk aksesori
- ii. Lapisan Kalis Air
 - Jaminan 5 tahun dari pengilang


1.15 Papan Tanda Kerja

1.15.1 Pihak kontraktor dikehendaki membina papan tanda kerja mengikut spesifikasi (piawaian UTM) dari jenis printed canvas, saiz berukuran 1200mm x 1500mm dengan 75mm x 75mm


tebal 'M.S structure, lengkap dengan teks dan maklumat berikut :

- i. Tajuk Kerja
- ii. Pegawai Inden & No.Tel
- iii. Penyelaras Projek & No.Tel
- iv. Penyelia Projek & No.Tel
- v. Nama Kontraktor
- vi. Tarikh Mula dan Tarikh Siap
- vii. No. PTW

1.15.2 Ukuran papan tanda kerja :



GAMBAR 1 : UKURAN PAPAN TANDA KERJA



GAMBAR 2 : MAKLUMAT PADA PAPAN TANDA

2.0 SKOP KERJA

2.1 Kerja Umum dan Persediaan

- 2.1.1 Kerja-kerja meroboh dan persediaan hendaklah menurut spesifikasi dan lukisan. Kontraktor hendaklah mengambil kira segala aspek yang terlibat dalam melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja. Kontraktor hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu sebelum kerja-kerja meroboh dilakukan dan hendaklah dengan pengawasan pihak Pegawai Inden.
- 2.1.2 Kerja-kerja meroboh dinding atau sebarang binaan lain sediaada hendaklah dilakukan dengan cermat dan tidak menyebabkan berlakunya kecacatan kepada bahagian-bahagian lain bangunan. Sekiranya terdapat sebarang kerosakan pada struktur lain yang berdekatan akibat dari kerja-kerja meroboh di atas, pihak Kontraktor adalah bertanggungjawab membaiki kerosakan tersebut menyamai dengan yang sediaada.
- 2.1.3 Di mana diperlukan permukaan yang tertinggal kesan dari kerja perobohan hendaklah dibaiki oleh Kontraktor menyamai keadaan sediaada dan sekitarnya termasuk mengganti dan memasang bahan-bahan baru yang sama atau setanding menurut arahan Pegawai Inden.

2.2 Kerja Meroboh dan Membuka

- 2.2.1 Kerja meroboh dinding batu bata berlepa sediaada dan kerja berkaitan.
- 2.2.2 Kerja meroboh dan membuka pintu sediaada termasuk rangka pintu (*door frame*) dan kerja berkaitan.
- 2.2.3 Kerja meroboh dan membuka tingkap *casement* sediaada dan kerja berkaitan.

2.3 Kerja Lantai dan Kemas Lantai

- 2.3.1 Kerja memecah dan penyediaan permukaan lantai (*screed*) untuk menerima jubin baru.
- 2.3.2 Kerja menghampar lapisan simen mortar 50mm tebal mengikut kecerunan baru pada permukaan lantai sediaada dengan campuran simen dan pasir kasar (*washed sand*) (1:3) dan kerja berkaitan.
- 2.3.3 Kerja memasang kemas lantai jubin jenis porcelin (*anti slip*) termasuk kerja berkaitan.

2.4 Kerja Dinding dan Kemasan Dinding

- 2.4.1 Kerja membina dan menyiapkan dinding batu bata dengan lepa 19mm tebal pada kedua belah permukaan termasuk kerja perancah (*staging*) serta kerja berkaitan.
- Dinding luar bangunan
- 2.4.2 Kerja memasang dan menyiapkan dinding sesekat dari panel *phenolic board* 12mm tebal termasuk aksesori dari nylon yang dipasang mengikut spesifikasi kerja.
- *Cubicle* tandas
- 2.4.3 Kerja memasang dan menyiapkan kemasan dinding batu-bata berlepa baru dan sediada dengan jubin dinding jenis porcelin licin 600mm x 300mm termasuk mengikis dinding untuk membuang cat sediada dan mengkasarkan pada permukaan dinding asal serta mencuci sebelum kerja-kerja melepakan lapisan kalis air dan pemasangan jubin baru.
- Dinding dalam tandas
- 2.4.4 Kerja melepakan permukaan dinding batu bata baru dengan lepa simen licin serta kerja berkaitan.
- Dinding luar tandas (laluhan)

2.5 Kerja Pintu dan Tingkap

- 2.5.1 Kerja membekal dan memasang pintu tandas 1 daun dari panel *phenolic board* 12mm tebal termasuk engsel sebanyak 4 unit setiap pintu, lain-lain aksesori dan *ironmongery* yang dipasang mengikut spesifikasi kerja.
- Jenis D1 (1950mm x 900mm)
 - Jenis D4 (1950mm x 750mm)
- 2.5.2 Kerja membekal dan memasang pintu tandas bilik janitor 1 daun dari jenis aluminium *lowers*, lain-lain aksesori dan *ironmongery* yang dipasang mengikut spesifikasi kerja.
- Jenis D2 (2100mm x 750mm)
- 2.5.3 Kerja membekal dan memasang pintu masuk utama dari jenis aluminium komposit termasuk jenang dari jenis *zincalume*, *heel stone* setinggi 75mm, 4 engsel dari jenis *stainless steel* dan 2 *ball bearing* yang dipasang secara berasingan, *door closer*, handle dan lain-lain kelengkapan.
- Jenis D3 (2100mm x 900mm)
- 2.5.4 Kerja membekal dan memasang tingkap *casement* jenis *top hung* termasuk jenang aluminium dan *casement stay* dari jenis keluli tahan karat serta kerja berkaitan.
- Jenis W1 [450mm(H) x 1800mm]

2.6 Kerja Cat

- 2.6.1 Kerja mengecat kemasan meliputi dinding dalam, dinding luar, jenang pintu dan paip pvc yang terdedah.
- 2.6.2 Kerja-kerja persediaan permukaan sediada dengan menggosok dan mencuci untuk membuang cat sediada yang mengelupas serta menampal dengan *filler* yang sesuai termasuk mengecat dengan satu lapisan asas.
- Dinding luar bangunan
 - Dinding dalam tandas
 - Dinding luar tandas (laluhan)
 - Permukaan siling konkrit dan rasuk (*beam*)
- 2.6.3 Kerja membekal dan mengecat permukaan berlepa baru dan sediada dalam bangunan dengan cat emulsi (berkilat) anti-fungus minimum dengan 2 lapisan cat kemasan termasuk kerja persediaan, mengikut spesifikasi kerja.
- Dinding dalam tandas
 - Dinding luar tandas (laluhan)
- 2.6.4 Kerja membekal dan mengecat permukaan siling konkrit dan rasuk (*beam*) dalam bangunan sediada dengan cat emulsi anti-fungus minimum dengan 2 lapisan cat kemasan termasuk kerja persediaan, mengikut spesifikasi kerja.
- 2.6.5 Kerja membekal dan mengecat permukaan berlepa baru dan sediada luar bangunan dengan cat tahan cuaca bermutu tinggi minimum dengan 2 lapisan cat kemasan termasuk kerja pemasangan perancah (*staging*).
- Dinding luar bangunan

2.7 Kerja Petanda Nama (*Signage*)

- 2.7.1 Kerja membekal dan memasang petanda nama baru dari jenis aluminium komposit panel serta kerja berkaitan sebagaimana lukisan dan spesifikasi.
- Pintu masuk utama Tandas Piawai
- 2.7.2 Kerja membekal dan memasang petanda nama baru dari jenis *acrylic* panel berukuran 1900mm x 450mm x 6mm tebal serta kerja berkaitan sebagaimana lukisan dan spesifikasi.
- Dinding utama Tandas *Disable*
- 2.7.3 Kerja membekal & memasang petanda nombor pintu baru dari jenis *acrylic sticker* berukuran 50mm x 125mm x 2.5mm tebal yang dipasang pada pintu dengan skru bertutup serta kerja-kerja berkaitan sebagaimana dinyatakan dalam spesifikasi.
- *Cubicle* Tandas Piawai

2.8 Kerja Waterproof

- 2.8.1 Kerja membekal dan memasang 'fibre mesh' dan *angle fillet* pada setiap bucu antara lantai dan dinding.
- 2.8.2 Kerja melepa minimum tiga (3) lapisan kalis air berasaskan simen pada keseluruhan lantai, 600mm (minimum) tinggi pada dinding dan 1200mm tinggi pada dinding bersebelahan bilik pelajar termasuk ujian takungan air (*ponding test*) minimum dua peringkat pengujian serta lain-lain kerja yang berkaitan sebagaimana dinyatakan dalam spesifikasi, lukisan dan arahan Pegawai Inden / Wakilnya.

2.9 Kerja Table Top

- 2.9.1 Kerja-kerja membina *table top* konkrit bertetulang Y10 baru sepertimana dalam lukisan dan kemasan dari jubin berukuran 600mm x 600mm termasuk bukaan, kelengkapan perpaipan dan sanitari.
- 2.9.2 Keseluruhan *table top* dan dinding *table top* (minimum 300mm dari aras *table top*) hendaklah disapu dengan lapisan kalis air minima sebanyak 2 lapisan.

2.10 Kerja Box Up dan Kerb

- 2.10.1 Kerja membina dan menyiapkan *box up* batu bata sehingga aras siling di aras 4 dengan lepa 19mm tebal pada 1 bahagian permukaan termasuk melepa dengan lepa simen licin serta kerja berkaitan.
- 2.10.2 Kerja membina dan menyiapkan *kerb* konkrit di antara dinding *cubicle* tandas/bilik air dan di paip sanitari/sewer termasuk lapisan kalis air, memasang kemasan jubin dinding jenis porcelin licin 600mm x 300mm serta kerja berkaitan.

2.11 Kerja Ramp

- 2.11.1 Kerja menyediakan tapak dengan membuang segala halangan seperti mengorek tanah, memotong dan memecahkan lantai / *apron* / tembok batu bata / tangga konkrit sediaada.
- 2.11.2 Kerja menghampar dan meratakan *crusher run* serta dimampatkan dengan mesin penggelek yang sesuai termasuk memasang bahan kalis lembap (DPM 0.25mm tebal).

- 2.11.3 Kerja membina papak konkrit gred 20N dan bertetulang BRC B7 sebagai *ramp* dengan kemas jenis lepaan simen *broom finish*.

2.12 Kerja Aksesori Handicap

Kerja-kerja membekal dan memasang aksesori Tandas Orang Kurang Upaya (OKU) serta kerja berkaitan sebagaimana spesifikasi berikut :

- a. Flip bar dari keluli tahan karat (stainless steel)
- b. Grab Bar (type A) dari keluli tahan karat (stainless steel)
- b. Grab Bar (type B) dari keluli tahan karat (stainless steel)

3.0 SKOP KERJA PERPAIPAN, SANITARI DAN KELENGKAPAN

3.1 Kerja Paip Bekalan Air

- 3.1.1 Kerja-kerja memotong dan memecah permukaan dinding serta lantai yang terlibat untuk laluan paip secara terbenam (*concealed*) dan menyambungkan paip baru tersebut dengan punca bekalan air yang terdekat termasuk kerja membaiki semula kemas asal selepas pemasangan paip dan kelengkapannya serta lain-lain kerja berkaitan sepertimana dinyatakan di dalam skop kerja, spesifikasi, lukisan dan Arahan Pegawai Inden / wakilnya.
- 3.1.2 Kerja-kerja membekal dan memasang perpaipan bekalan air dalaman jenis uPVC berdiameter 15mm sehingga 32mm (Class 7) yang baru lengkap dengan semua aksesori, kelengkapan dan pemasangan seperti *coupling, female threaded, male threaded, elbow, soket, tee, connector, support, bracket* dan lain-lain kelengkapan berkaitan sepertimana dinyatakan di dalam skop kerja, spesifikasi, lukisan dan Arahan Pegawai Inden / wakilnya.
- 3.1.3 Kerja-kerja membekal dan memasang pemasangan dan kelengkapan perpaipan sepertimana berikut :
- a. *Brass gate valve* bersaiz 20mm hingga 25mm
 - b. *Brass ball valve* bersaiz 25mm hingga 32mm
 - c. 15mm *long stem stop cock shower* termasuk *handle* jenis *plastic chrome*
 - d. *Shower rose* jenis *plastic chromed* berukuran minimum diameter 100mm lengkap dengan *shower arm* dan *flange*
 - e. Set bidet lengkap dengan *brass chromed angle valve stopcock, chrome plated brass nozzle, brass chromed bidet holder* dan *stainless steel heavy duty double interlock chain bidet hose*.
 - f. 15mm *basin pillar tap long neck with extended spout* (95 mm) jenis *brass chrome*
 - g. *Flexible braided hose pipe* termasuk *mini ball valve* jenis keluli tahan karat bersaiz 15mm

3.2 Kerja Paip Buangan

- 3.2.1 Kerja-kerja coring, memotong dan memecah permukaan dinding dan lantai yang terlibat dan kerja membaiki semula kemasan asal selepas pemasangan paip dan kelengkapannya serta lain-lain kerja berkaitan sepertimana dinyatakan di dalam skop kerja, spesifikasi, lukisan dan Arahan Pegawai Inden / wakilnya.
- 3.2.2 Kerja- kerja membekal dan memasang perpaipan sanitari jenis UPVC berdiameter 32mm sehingga 150mm yang baru lengkap dengan semua aksesori, kelengkapan dan pemasangan seperti *coupling, elbow, soket, tee, connector, end cap, s-trap / p-trap, support, bracket* dan lain-lain kelengkapan berkaitan termasuk vent pipe atau stack pipe sepertimana dinyatakan di dalam skop kerja, spesifikasi, lukisan dan Arahan Pegawai Inden / wakilnya.
- 3.2.3 Kerja-kerja membina floor trap lengkap dengan penutup serta lain-lain kerja berkaitan untuk sistem sanitari termasuk kerja-kerja penyambungan sistem perpaipan sanitari yang terlibat, kerja memotong dan memecah permukaan dinding dan lantai yang terlibat dan kerja membaiki semula sepertimana dinyatakan di dalam skop kerja, spesifikasi, lukisan dan Arahan Pegawai Inden / wakilnya.
- 3.2.3 Kerja- kerja membina *gully trap* dari jenis batu bata tanah liat dan papak konkrit bertetulang BRC B7 berukuran 300mm x 300mm lengkap dengan penutup konkrit slab bertetulang untuk sistem sanitari termasuk kerja-kerja pemasangan S-trap dan penyambungan sistem perpaipan sanitari yang terlibat, kerja memotong, memecah dan mengorek permukaan lantai dan tanah yang terlibat serta kerja membaiki semula kemasan asal dan lain-lain kerja berkaitan sepertimana dinyatakan di dalam skop kerja, spesifikasi, lukisan dan Arahan Pegawai Inden / wakilnya.
- 3.2.4 Kerja-kerja membina *inspection chamber* lengkap dengan penutup jenis *cast iron* dengan dinding dari batu bata tanah liat dan berlepa berukuran dalam 460mm x 610mm, termasuk membina alas papak konkrit bertetulang BRC B7 berukuran 915mm x 1070mm dan memasang paip sewer / sanitari dari *gully trap* dan tandas ke *inspection chamber* baru dan *manhole* sedia ada termasuk kerja-kerja pengorekan tanah, menimbus semula tanah dan menanam rumput secara *closed turfing* selepas siap kerja serta lain-lain kerja berkaitan sepertimana

dinyatakan di dalam skop kerja, spesifikasi, lukisan dan Arahan Pegawai Inden / wakilnya.

- 3.2.5 Kerja-kerja membekal dan memasang kelengkapan sanitari termasuk kerja-kerja berkaitan sebagaimana berikut :
- i. Perangkap lantai (floor trap) dari jenis stainless steel 304 dan berkunci
 - ii. Basin basuh tangan berbentuk empat segi bersaiz minimum 480mm x 480mm dari tanah liat putih bergilap mempunyai salur limpah, salur keluar lengkap dengan penyumbat dan rantai
 - iii. Basin basuh tangan jenis handicap berbentuk empat segi bersaiz minimum 545mm(L) x 640mm(W) x 190mm(H) dari tanah liat putih bergilap mempunyai salur limpah, salur keluar lengkap dengan penyumbat, rantai, pendakap besi dan *wall plug*.
 - iv. Tandas duduk (W.C) 1 *pieces type* dari jenis tanah liat putih dengan tempat duduk berengsel jenis *soft closed*.

Nota :

1. Semua perpaipan bekalan air dalaman baru termasuk kelengkapan / pemasangan berkaitan hendaklah dipasang secara terbenam di dalam dinding / lantai (*concealed*).
2. Semua *tee* dan *elbow* untuk paip yang terdedah hendaklah dari jenis *stainless steel* gred 304 manakala paip terbenam hendaklah menggunakan *elbow* dan soket dari jenis UPVC kecuali *elbow female thread* untuk pemasangan lengkap perpaipan adalah dari jenis *stainless steel*.
3. Semua paip yang terdedah hendaklah dipasang penyokong (*bracket*) dari jenis *stainless steel*.
4. Kerja *coring* hendaklah menggunakan mesin dan perlu dilaksanakan untuk pemasangan paip sanitari baru di setiap aras.
5. UPVC *vent pipe* yang baru hendaklah disambungkan dengan *vent pipe* sedia ada (rujuk lukisan dan tapak bina)
6. Kerja pengujian (*pressure & leak test*) sistem bekalan air dan sanitari perlu dilaksanakan di setiap tandas.

4.0 SKOP KERJA ELEKTRIK

4.1 Kerja Elektrik

- 4.1.1 Menguji kefungsiian lengkapan elektrik (lampu, kipas, suis, suis soket alir keluar 13A) untuk memastikan ianya berfungsi atau tidak. Ujian hendaklah dijalankan bersama wakil Bahagian Elektrik, JHB
- 4.1.2 Mematikan bekalan eletkrik untuk bilik-bilik yang terlibat. (Sila rujuk Bahagian Elektrik, JHB).
- 4.1.3 Membuka semua lengkapan elektrik sediada (lampu, kipas, suis, suis soket alir keluar 13A) dan menyerahkan kepada Bahagian Elektrik, Jabatan Harta Bina dalam keadaan bersih dan baik.
- 4.1.4 Ujian penebatan pendawaian elektrik untuk memastikan pendawaian elektrik dalam keadaan baik dan berfungsi. Ujian hendaklah dijalankan bersama wakil Bahagian Elektrik, JHB.
- 4.1.5 Point pendawaian hendaklah dipasang *cable connector* untuk keselamatan. Terdapat beberapa point pendawaian yang akan digunakan semua. Oleh itu, kontraktor hendaklah memastikan pendawaian elektrik sediada sentiasa di dalam keadaan baik sepanjang tempoh projek. Sekiranya terdapat pendawaian yang rosak, pihak kontraktor adalah dikehendaki untuk membaiki semula.
- 4.1.6 Kedudukan point lampu siling dan kipas dianjakkan sedikit mengikut kesesuaian tandas. Point kipas ditukar kepada point lampu.
- 4.1.7 Membuat tambahan pendawaian (looping) menggunakan kabel 2 x 1.5mm² 1/d kabel perlindungan dari point lampu siling sediada ke point lampu baru termasuk pendawaian ke suis (rujuk lukisan).
- 4.1.8 Mematikan point lampu dinding bersebelahan bilik pelajar. Point suis soket alir keluar 13A bersebelahan bilik pelajar akan digunakan tetapi dialihkan kedudukannya.
- 4.1.9 Membuat tambahan pendawaian (looping) menggunakan kabel 2 x 2.5mm² 1/d kabel perlindungan dari point suis soket alir keluar 13A sediada ke pointt suis soket alir keluar 13A soket baru (rujuk lukisan).
- 4.1.10 Ketinggian suis untuk tandas 'disable' adalah 1200mm.
- 4.1.11 Membekal dan memasang lengkapan lampu downlight LED jenis permukaan.

- 4.1.12 Memasang suis untuk kawalan lampu.
- 4.1.13 Membuat pengujian kefungsiannya kepada kesemua pemasangan supaya boleh berfungsi seperti asal dan kerja-kerja berkaitan.
- 4.1.14 Pemasangan elektrik hendaklah dipantau oleh orang kompeten (minima wireman nil PW4 - 3 fasa) bagi memastikan ianya berfungsi dan selamat untuk berfungsi.

Nota :

- 1. **Pendawaian di siling adalah secara permukaan (surface) menggunakan paip G.I.**
- 2. **Pendawaian di dinding adalah secara terbenam (conceal) menggunakan paip uPVC.**

SPESIFIKASI TEKNIKAL KERJA (AWAM, MEKANIKAL & SENIBINA)

- A. Spesifikasi teknikal kerja ini digunakan bagi kerja-kerja yang berkaitan dengan kerja sebutarga ini sahaja.

1.0 SPESIFIKASI TEKNIKAL KERJA

1.1 KERJA KUNCI DAN IRONMONGERY

- Semua pemegang pintu (*door handle*) hendaklah dari jenis *bar handle*.
- Semua pintu dan tingkap hendaklah disediakan dengan *antirust heavy duty ironmongery* berkaitan dengan fungsinya lengkap dengan *fixing screws* dari jenis *stainless steel*.
- Semua *lockset* yang dibekalkan hendaklah mendapat kelulusan SIRIM, *cycle test* serta pensijilan yang diperlukan dan jaminan.
- Spesifikasi *ironmongery* :-
 - i) *Door handle*
 - *Stainless steel solid door handle for main door / VIP room*
 - *Stainless steel hollow door handle for others*
 - ii) *Door closer*
 - *Certified by SIRIM*
 - *Warranty min 5 years*
 - *Door weight up to 60kg*

1.2 KERJA PINTU

- **Pintu aluminium louvres** : Pintu perlu dikemasikat dengan '*butyl mastic sealer*' dan '*ribet*' atau yang setara dengan saiz kerangka maksimum 45mm tebal dan 100mm lebar atau sepertimana spesifikasi pembekal.
- Semua pintu yang dibekalkan perlu disahkan terlebih dahulu dalam bentuk sample dan mockup. Pengesahan juga akan dijalankan bagi setiap penghantaran pintu ke tapak.

1.3 KERJA-KERJA MEKANIKAL

a) Sistem Bekalan Air

- Skop kerja perpaipan utama bermula dari *gate valve* ke tangki air. Paip utama tersebut hendaklah dari jenis ABS kelas PN15 atau jenis uPVC kelas 7 dan *gate valves* dari jenis *brass*. Lokasi *gate valves* yang terletak di luar

SPESIFIKASI TEKNIKAL KERJA (AWAM, MEKANIKAL & SENIBINA)

bangunan perlu berada pada kedudukan 8' dari aras lantai. Semua sambungan seperti tee, elbow dan soket hendaklah dari jenis stainless steel gred 304.

- Skop kerja paip agihan bermula dari tangki ke lengkapan sanitari. Paip yang terdedah hendaklah dari jenis uPVC kelas 7 dan paip agihan yang dipasang secara terbenam juga hendaklah dari jenis uPVC kelas 7 manakala gate valve dari jenis *brass lengkap dengan aksesori* berkaitan.
- Semua kerja perpaipan di bina secara terbenam (*concealed*) dan pengujian perlu dilaksanakan untuk memastikan sistem bekalan air berfungsi dengan baik dan sempurna.
- Perpaipan yang tidak dapat dibuat secara terbenam dan terdedah kepada cuaca hendaklah dicat dengan cat berwarna putih dari cat jenis *solar reflect* dan tahan cuaca.
- Semua sambungan paip (*tee & elbow*) adalah dari jenis uPVC dan *female thread socket* dari jenis *stainless steel* gred 304.
- Setiap tandas hendaklah dipasang minimum dengan satu *gate valve* dan setiap sinki dan *cistern* hendaklah dipasang dengan *flexible braided hose pipe* serta *mini ball valve*.
- Setiap tandas/bilik air hendaklah dibekalkan dan dipasang dengan sistem pam jenis inverter termasuk kerja-kerja pendawaian elektrik serta kerja-kerja berkaitan.

b) Sistem Air Buangan

- Paip air buangan bersaiz diameter 100mm termasuk penyambungan semula saluran UPVC dari lengkapan sanitari ke manhole sediaada/ baru, lengkap dengan aksesori berkaitan berserta pengujian untuk memastikan sistem air buangan berfungsi dengan baik dan sempurna.
- Sistem kumbahan bagi keperluan makmal semua bahan binaan perlu mengambil kira piawaian makmal dan penggunaan bahan berasid.
- Kontraktor perlu memastikan semua paip buangan dari *floor trap* perlu melalui *gully trap* sebelum sambungan ke manhole sediaada, jika keperluan tersebut tidak disediakan, kontraktor perlu menyediakan sistem tersebut

SPESIFIKASI TEKNIKAL KERJA (AWAM, MEKANIKAL & SENIBINA)

- Semua laluan paip air buangan lama perlu dikeluarkan di tapak dan diperkemas, laluan baru untuk semua sistem kumbahan yang melibatkan lantai perlu menggunakan kaedah 'coring'.
- c) Lain-lain**
 - Kontraktor hendaklah menguji tekanan air untuk paip utama (*incoming*) dan rekod ujian perlu diserahkan kepada pihak UTM.
 - Kontraktor hendaklah menyemak keperluan *sewer line* sedia ada tidak tersumbat diperingkat pembinaan dan memastikan semua sistem kemudahan bangunan berfungsi dengan baik.
 - Kontraktor hendaklah menyediakan lukisan skematik untuk sistem perpaipan tandas dan perlu mendapatkan pengesahan dari Jurutera Bertauliah.
 - Semua *bracket (steel band)* perlu dipasang setiap 4 kaki jarak pada paip air agihan.

1.4 KERJA TANDAS DAN BILIK AIR

a) Umum

- Kerja pembaikan tandas / bilik air merangkumi kerja pembaikan keseluruhan kemas, sistem bekalan air dan sistem air buangan lengkap dengan kelengkapan sanitari dan aksesori serta memastikan semua kelengkapan kebersihan tersebut dapat berfungsi dengan sempurna seperti berikut :-
 - i) Mangkuk tandas (duduk), lengkap dengan '*flush valves*' dan penutup berkunci, termasuk paip bekalan dan buangan.
 - ii) Penutup mangkuk tandas hendaklah dari jenis *soft closed*.
 - iii) *Wash bowl* dengan *PVC bottle trap & paip air buangan* (ditanam ke dinding), kepala paip (*brass chromed*) jenis *long neck* dan lain-lain aksesori yang berkaitan. Semua jenis kepala paip dan stop cock hendaklah dengan tempoh **jaminan minimum 5 tahun** daripada pengeluar.
 - iv) *Hand bidet* lengkap dengan *flexible hose* (stainless steel) dan *hand control spray*

SPESIFIKASI TEKNIKAL KERJA (AWAM, MEKANIKAL & SENIBINA)

- v) 6mm tebal polished glass mirror.
- vi) *Stainless steel floor trap cover* berukuran 150mm x 150mm
- vii) *Ceramic soap holder* (jika perlu)
- viii) *Stainless steel rack* (jika perlu)
- ix) Aksesori tandas OKU adalah seperti berikut (jika perlu):
 - HB – Handheld Bidet ,
 - FGB – Flip-Up Grab Bar
 - GB – Grab Bar
- x) *Toilet cubicle partition*
 - Minimum tebal 12mm
 - Jaminan minimum 5 tahun dari pengeluar
 - Engsel pintu sebanyak 4 bilangan
 - Tinggi pintu dari lantai maksimum ialah 125mm
 - *Thickness Tolerance + 0.50mm*
 - *Thickness Swelling (24 hours at 20+ 1°C) 0.07%*
 - *Flexural Strength > 120 N/mm²*
 - *Tensile Strength:*
 - Machinery Direction > 130 N/mm²*
 - Crass Direction > 90 N/mm²*
 - *Resistance to Impact > 40 N*
 - *Resistance to Scratching > 4 N*
 - *Surface Spread of Flame = Class One*

b) Lantai dan dinding

- Kerja membuka kemasan lantai sedia ada sehingga permukaan konkrit dan kemasan dinding sehingga permukaan plaster. Permukaan asal dinding yang bercat hendaklah digosok dan dibuang cat tersebut sepenuhnya serta permukaan asal plaster hendaklah dikasarkan termasuk dicuci sebelum menerima jubin baru.
- Permukaan hendaklah di vakum, bersih dan rata sebelum kerja membekal dan memasang lapisan kalis lembap di tandas minimum 3 lapisan termasuk 2 fasa pengujian '*ponding test*' (sebelum render dan selepas siap pasang jubin) mengikut spesifikasi pengilang, jenama dan kod warna yang ditentukan UTM.

SPEKIFIKASI TEKNIKAL KERJA (AWAM, MEKANIKAL & SENIBINA)

- Lepaan semula perlu mendapatkan aras lantai yang betul sebelum kerja kemas lantai baru dibuat. Kontraktor hendaklah menguji aliran air pada lantai berjubin (*laid to fall*).
 - Ketinggian lapisan kalis lembap pada dinding hendaklah 750mm (minimum) sekeliling dan ketinggian lapisan kalis lembap pada *concrete bench* dan dinding hendaklah sehingga paras minimum 400mm.
 - Semua cadangan corak kemas lantai (*floor pattern*) hendaklah dimajukan kepada UTM bagi pengesahan.
- c) Lain-lain**
- Semua bahan,engkapan dan aksesori hendaklah dari jenis berkualiti dan mendapat pengesahan dari UTM.

1.5 KERJA MENGECAT

- Kontraktor hendaklah menyediakan cadangan skema warna (*colour scheme*) luaran dan dalaman bangunan berdasarkan kepada konsep yang ditentukan oleh UTM.
- Semua cat hendaklah daripada mutu dan kualiti ketahanan dengan jaminan cat dan mutu kerja minimum 5 tahun. (***minimum 5 years performance warranty by manufacturer***)
- Sebelum kerja-kerja mengecat dijalankan, kontraktor perlulah memastikan permukaan dinding benar-benar kering dan bersedia menerima lapisan cat dengan menjalankan ujian kelembapan menggunakan alat sesuai seperti protimeter. Kerja-kerja mengecat tidak boleh dilaksanakan sekiranya kelembapan melebihi 16%. Segala keputusan hendaklah direkodkan secara harian dan dilampirkan dalam laporan kemajuan kerja.
- Kerja-kerja mengecat adalah seperti berikut :-
 - a) Kerja mengikis permukaan lapisan cat lama, membersihkan, memperbaiki kecacatan permukaan dengan '*filler*' semua dinding sedia ada serta arahan UTM.
 - b) Kerja mengecat semua dinding berlepa sedia ada (dalaman) dengan satu (1) lapisan cat asas (*solvent base*) dan dua (2) lapisan cat kemas berasaskan akrilik serta arahan UTM.

SPESIFIKASI TEKNIKAL KERJA (AWAM, MEKANIKAL & SENIBINA)

